

05 FEB 1998

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA NEW ZEALAND

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengutuskan ucapan tahniah kepada Gabenor Jeneral New Zealand Sir Michael Hardie Boys sempena Hari Waitangi esok.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini, hari ini, Seri Paduka berdua berharap persahabatan dan kerjasama yang terjalin antara kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan dan diperluaskan pada masa akan datang demi faedah bersama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya Jenny Shipley, berharap rakyat New Zealand akan terus menikmati keamanan, keharmonian dan kemakmuran.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Don McKinnon. -- BERNAMA

APG NAK